

CNS6262

R GB22-02 00212BA139

bah

Mahathir - Tenaga

TERLALUBANYAK TUDUHAN GANGGU PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TENAGA

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pelbagai tuduhan tidak berasas yang dilemparkan terhadap kerajaan atau individu di dalam kerajaan apabila projek-projek pembangunan infrastruktur tenaga elektrik di swastakan, merupakan antara punca negara kini mengalami masalah bekalan tenaga elektrik.

Katanya, kerajaan terpaksa menyerahkan projek-projek pembangunan infrastruktur tenaga elektrik itu kepada syarikat-syarikat swasta kerana kekurangan sumber kewangan tetapi pemberian projek-projek berkenaan sering menimbulkan tuduhan kononnya "kerajaan atau individu dalam kerajaan mempunyai kepentingan sendiri" dalam projek-projek itu.

"Apabila kita hendak beri (projek bekalan elektrik) kepada syarikat swasta, ada macam-macam tuduhan dihuat. Dengan itu, terlambatlah (projek itu dilaksanakan)," ka tanya kepada pemberita selepas melancarkan penubuhan badan usahasama Kumpulan Perundingan Komanwel mengenai Pengurusan Teknologi-Sektor Swasta (CPSP) dan Kumpulan Industrk' Malaysia-Kerajaan untuk Teknologi Tinggi (MIGHT), disini hari ini.

Beliaudiminta mengulas kenyataan beberapa orang pakar ekonomi yang menganggap krisis bekalan elektrik kini herpunca daripada kelemahan perancangandan ketiadaan sistem maklumat balas yang berkesan.

Sambil menolak anggapan-anggapan itu, beliau berkata, kerajaan sudah tahu kekurangan infrastruktur tenaga elektrik semakin meruncing sejak tahun 1990 lagi apabila pelaburan di negara ini meningkat kepada RM40,000 juta pada tahun itu. -- Lagi.

▼22/02/16-14MST

CNS6286

U GB 22-02. 00183 BA143

bah

Mahathir - Tenaga 2 Kuala Lumpur

Katanya, berdasarkan perangkaan kasar, setiap RM1 pelaburan di negara ini, kos infrastruktur yang perlu disediakan ialah 1.0 sen atau 10 peratus.

Oleh itu, katanya, kerajaan sepatutnya membelanjakan tidak kurang daripada RM4,000 juta setahun sejak 1990 lagi untuk mempertingkatkan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, api, jalan raya, pelabuhan dan lapangan terbang bagi menampung peningkatan pelaburan.

"Hendak kata kita tidak tahu (akan timbul krisis tenaga sekiranya berlaku kelemahan perancangan), saya tidak terima. Kita tahu, kerajaan pun tahu tetapi macam-macam perkara berlaku (termasuk pelbagai tuduhan dan pertelingkahan) sehingga kita tidak dapat melaksanakan apa yang perlu dilaksanakan," kata beliau.

Sebagai contoh, katanya, untuk merancang tambahan alat penjana elektrik bukannya susah kerana apa yang diperlukan hanyalah pemasangan alat itu manakala perancangan pembinaan projek-projek infrastruktur pulahnya perlu disamakan dengan kadar pertumbuhan ekonomi.

Bagi memudahkan dan mempercepatkan pelaksanaannya pula, 'katanya, kerajaan melonggarkan dasar-dasar lama termasuk menswastakan projek-projek itu tetapi setiap kali ada projek diherikan kepada sesebuah syarikat, akan timbul pelbagai tuduhan negatif yang mengakibatkan pelaksanaan projek-pi-0 j ek berkenaan tergendala. -- Lagi.

▼22/02/16-39MST

CNS6303

U GB 22-02 00139 BA145

bah

Mahathir - Tenaga 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Kita tidak dapat maklumat tetapi kerana terlampau banyak pertelingkahan sehinggakan kita tidak dapat melaksanakan apa yang kita sudah tahu akan berlaku," katanya.

Katanya, sekiranya tenaga elektrik yang mencukupi tidak dapat dibekalkan, pelaburan ke negara ini akan terjejas dan negara akan menanggung kerugian yang lebih banyak berbanding kerugian yang kononnya berlaku kerana kecurangan individu tertentu.

"Saya fikir ka-ku orang tumpu kepada keperluan (projek-projek pembinaan infrastruktur diserahkan kepada swasta) dan tidak dipesongkan dengan macam-macam wasangka, saya ingat kita boleh buat semua," katanya.

Dr Mahathir berkata, satu lagi faktor kepada punca krisis tenaga elektrik ketika ini ialah berlakunya saling salah-menyalah di antara jabatan-jabatan kerajaan sendiri.

Katanya, kadang-kala berlaku pergeseran peribadi di antara mereka sehingga menyebabkan pelaksanaan sesuatu projek lewat. -- Bernama.